

JPB 2018 sasar lebih 70,000 pelajar ke IPT

TANJONG KARANG - Lebih 70,000 pemohon disasarkan bakal menerima tawaran untuk memasuki universiti awam sempena Jelajah Pendidikan Bumiputera (JPB) 2018.

Pengerusi Jawatankuasa Induk Jelajah Pendidikan Bumiputera 2018, Profesor Emeritus, Tan Sri Ir Dr Sahol Hamid Abu Bakar menjelaskan, pihaknya optimis akan mencapai sasaran itu menjelang akhir tahun ini.

Menurutnya, seramai 32,000 pelajar telah menerima tawaran melanjutkan pelajaran ke IPT dalam tiga bulan pertama tahun ini, dengan 29,000 ditempatkan di Institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) manakala selebihnya ke universiti awam.

"Kita yakin sasaran 70,000 pelajar itu dapat dicapai menerusi 29 siri program JPB yang kita buat seluruh negara pada tahun ini, hingga kini 17 siri telah dilaksanakan," katanya selepas menghadiri program JPB peringkat Parlimen Tanjung Karang yang dirasmikan Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor Tan Sri Noh Omar di sini, semalam.

Dalam program itu, Noh yang



Noh (dua kiri) menerima cenderahati yang disampaikan Ir Dr Sahol Hamid sempena majlis perasmian.

juga Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menekankan kemiskinan bukannya penghalang untuk berjaya.

"Saya bercakap melalui pengalaman hidup sendiri dan jika tiada bantuan kerajaan, tak mungkin saya dapat sambung belajar sampai London untuk jurusan undang-undang.

"Kadang-kadang saya sedih lihat anak Melayu yang berjaya tapi sudah lupa diri dan tak ingat jasa kerajaan yang membantu memberi pelbagai bantuan dan pembiayaan," katanya.

Jelajah Pendidikan Bumiputera

ini katanya, cukup baik kerana memberi peluang kedua kepada anak penduduk menyambung pelajaran dan kemahiran di institusi terpilih.

"Untuk makluman semua, seramai 8,300 pelajar lepasan SPM tetapi yang menerima keputusan cemerlang hanya seramai 557 orang sahaja tetapi yang berjaya masuk institusi pengajian tinggi seramai 1,812 orang.

"Jadi, soalnya ke mana baki lagi lebih kurang 6,000 lagi ni? Golongan inilah yang kerajaan nak tolong untuk beri peluang kedua kepada mereka," katanya kepada *Sinar Harian*.